

# Program pensijilan pertanian Agrobank-UPM

AGROBANK dan Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini menandatangani dokumen setuju terima bagi satu program latihan dan pensijilan dikenali Program Pensijilan Pertanian Agrobank-UPM (AU-ACP).

Program ini merupakan satu usaha meningkatkan pengetahuan kakitangan baharu Agrobank dalam pelbagai cabang bidang pertanian serta inisiatif terkini aktiviti perniagaan berasaskan pertanian.

Program selama enam (6) bulan ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman kakitangan Agrobank terutamanya dalam menilai cadangan kertas kerja perniagaan yang berasaskan pertanian.

Selain itu, modul ini turut menekankan tentang menaik taraf aplikasi dalam pengurusan tanaman komersial bagi memastikan para peserta mendapat pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dan kemahiran dalam aktiviti perniagaan berasaskan pertanian.

Dokumen setuju terima tersebut telah ditandatangani Presiden/Ketua

Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Wan Mohd Fadzmi Wan Othman dan Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris serta disaksikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh di Serdang bersempena dengan Hari Terbuka Fakulti Pertanian, UPM.

Datuk Wan Mohd Fadzmi berkata, Agrobank komited dalam memastikan warga kerjanya dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk mengakses projek berasaskan pertanian secara efektif.

"Agrobank dan UPM berkongsi matlamat yang sama iaitu bagi membangunkan sektor pertanian negara. Tahniah diucapkan kepada UPM di atas kejayaan terbaharu mereka kerana telah menerima pengiktirafan daripada *QS World University Ranking* baru-baru ini.

"Penganugerahan ini pastinya mengukuhkan lagi reputasi UPM sebagai institusi pengajian tinggi yang berkualiti tinggi terutamanya dalam menyediakan kepakaran dalam bidang pendidikan, kajian dan pembangunan," kata.



Dr Aini dan Wan Mohd Fadzmi bertukar-tukar dokumen setuju terima program.